

UniSZA hantar 70 pelajar ke MTS Turki

+ **Kuala Nerus:** Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bercadang menghantar 70 pelajarnya ke Maahad Tahfiz Sulaimaniyya (MTS) di Turki untuk menyertai program mobiliti yang menerapkan konsep wakaf diri atau kesediaan menyumbang khidmat secara sukarela dengan penerapan nilai Islam.

Timbalan Naib Canselornya (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Nik Wan Omar, berkata buat permulaan, kumpulan pertama pelajar Ijazah Sarjana Muda Khidmat Sosial itu akan dihantar ke negara berhampiran pada cuti semester akan datang.

"Selain cadangan menghantar mereka ke MTS di Turki yang mempunyai 5,000 cawangan, kami turut merancang program mobiliti pelajar ke MTS di negara Asia, sama ada Indonesia, Myanmar, Kemboja, Thailand, Singapura atau Brunei untuk melihat atau berbincang mengenai konsep wakaf diri itu," katanya.

MTS adalah organisasi berstatus wakaf bertaraf antarabangsa yang memiliki 100,000 ahli dan 10,000 cawangan di 150 negara.

Nik Wan berkata demikian pada Seminar Menerap Budaya Hizmet dalam kalangan mahasiswa yang turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah Universiti merangkap Presiden Persatuan Alumni UniSZA, Mohammed Sahar Mat Din dan Direktor MTS Malaysia, A Hilmi Elmas.

Beliau berkata, UniSZA sudah menjalin kerjasama dengan MTS di Turki untuk menerapkan konsep wakaf diri dalam kalangan penuntut yang berhasrat menjadi sukarelawan di dalam dan luar negara.

"Kami mahu melihat budaya wakaf di-semai dalam diri penuntut dan berharap kerjasama dua hala UniSZA dan MTS dapat membentuk jati diri seorang sukarelawan yang baik. Kami berharap warga UniSZA mengambil peluang sebaik mungkin melalui kerjasama dengan MTS itu," katanya.